

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 16.5.2016

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai berkenaan dengan keputusan kabinet bertarikh 6 November 2015 untuk terus berunding bagi pengiktirafan kertas Unified Examination Certificate (UEC) oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, isu berkaitan pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) perlu dilihat serta difahami secara menyeluruh dalam konteks Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan dasar yang dilaksanakan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaannya adalah menerusi satu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama; pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan

negara, serta memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Sementara UEC pula adalah peperiksaan yang dikendalikan oleh badan persendirian semenjak tahun 1975 menerusi jawatankuasanya yang terdiri daripada Gabungan Kesatuan Pengelola Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Kesatuan Guru Sekolah Cina Malaysia dan Kesatuan Alumni Sekolah Cina.

Sehubungan itu, pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah jelas bahawa semua sistem berkaitan pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara kita perlu berlandaskan dasar pendidikan kebangsaan seperti diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur terhadap kehendak seperti digariskan menerusi Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti diperuntukkan di bawah akta tersebut.

Sungguhpun begitu, Kerajaan menerima bahawa kedudukan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan Sijil UEC masih kekal status quonya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukkan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996.

RJM05